

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) MENERUSI PANDANGAN GURU

Siti Anisha Samsudin¹, Nor Hasniza Ibrahim², Johari Surif³ dan Abdul Halim Abdullah⁴

¹²³⁴Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia

sitianisha@yahoo.com

p-norhaniza@utm.my

johari_surif@utm.my

p-halim@utm.my

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) menerusi pandangan guru. Bagi mencapai tujuan ini, tahap kefahaman berkaitan konsep PBS, persepsi dan masalah pelaksanaan PBS dalam kalangan pelajar pascasiswazah dikenal pasti. Seramai 34 orang guru yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah Fakulti Pendidikan telah dilibatkan sebagai responden di dalam kajian ini. Data dikumpulkan menerusi soal selidik dan temubual. Soalan soal selidik terdiri daripada 34 item yang berskala Likert. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan teknik statistik deskriptif iaitu peratusan dan purata min. Manakala temubual dianalisis secara teknik analisis kandungan. Hasil dari kajian ini, didapati kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka jelas dengan objektif dan matlamat yang perlu dicapai dalam pelaksanaan PBS dan responden juga merasakan soalan-soalan bagi PBS bersesuaian mengikut tahap band yang tertentu. Dapatan juga menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa mereka tidak diberikan kursus dan latihan sebelum melaksanakan PBS disekolah. Semua dapatan daripada soal selidik di sokong oleh responden yang terlibat dalam sesi temubual yang dijalankan. Oleh yang demikian, dengan adanya kajian ini diharapkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini menjadi lebih baik, menarik dan dapat diteruskan pelaksanaannya oleh guru dalam sistem pendidikan akan datang yang dikatakan lebih mencabar terutama buat golongan pendidik.

Kata kunci : Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), konsep PBS, persepsi terhadap PBS, masalah pelaksanaan PBS, guru

1. PENDAHULUAN

Penilaian ialah satu proses yang sistematik semasa mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang telah ditetapkan itu tercapai atau tidak tercapai (Gay, 1985). Selain itu, penilaian ialah suatu proses yang berterusan bagi mendapatkan maklumat semula dengan tujuan supaya pengubahan kepada pelajar dalam aspek pemikiran, perasaan dan tingkahlaku dapat dilakukan dengan sempurna. Penilaian dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui sejauh mana isi pengajaran yang disampaikan itu difahami oleh pelajar. Kefahaman pelajar dalam pembelajaran dapat ditentukan apabila gred atau markah diperoleh daripada hasil penilaian (Zaidillah, 2009). Selain itu, penilaian juga dapat dijadikan sebagai penggerak atau motivasi kepada pelajar. Menurut Fuad Omar (2009), penilaian dapat memperbaiki pembelajaran pelajar melalui tunjuk ajar dan bimbingan guru secara berterusan. Kesannya, pelajar merasakan diri mereka mendapat perhatian daripada guru apabila bimbingan dan pantauan diberikan secara berterusan serta dapat menyuntik semangat untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh. Penilaian dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif.

Kerajaan Malaysia telah menyedari akan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat untuk dilaksanakan sebagai agenda utama dalam mencapai pembangunan sumber manusia negara (Ismail, 2012). Pembelajaran sepanjang hayat merupakan salah satu matlamat terpenting yang perlu dicapai dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10 untuk membangunkan masyarakat berilmu bagi mencapai matlamat sebagai negara membangun menjelang tahun 2020. Oleh itu, sebuah transformasi pendidikan telah dirangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mengikut peredaran zaman dan hala tuju kemajuan negara bagi memperbaharui bentuk sesebuah penilaian pelajaran yang dilaksanakan di sekolah. Sehubungan dengan itu, sebuah penilaian baru yang telah diperkenalkan adalah Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau dikenali sebagai PBS.

Penilaian baru yang terdapat di Malaysia direka oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan dirancang, ditadbir, diskor dan dilapor oleh sekolah iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Menurut Ali (2008), penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting yang dapat membantu meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di samping dapat mencungkil potensi dan bakat pelajar. Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau dikenali sebagai PBS dapat didefinisikan sebagai satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Di samping itu, PBS juga mengandungi elemen penting yang lain seperti matlamat serta pembahagian komponen dalam pelaksanaan PBS. Oleh yang demikian, guru diberikan tanggungjawab bertindak sebagai individu yang akan menggerakkan proses pelaksanaan PBS sepanjang di sekolah.

2. PERNYATAAN MASALAH

Akan tetapi, terdapat pelbagai permasalahan yang menghalang pelaksanaan PBS dengan berkesan terutama kepada guru. Antara masalah tersebut adalah kekangan masa bagi guru, bebanan kerja tambahan kepada guru, kelewatan pangkalan data dan sistem sukar di akses, guru kurang pengetahuan terhadap strategi pelaksanaan PBS dan guru tidak mempelbagaikan kaedah dalam pelaksanaan PBS. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan PBS dalam kalangan pelajar pascasiswazah yang berpengalaman menjadi guru PBS menerusi tahap pemahaman terhadap konsep PBS, persepsi terhadap PBS demi mengenalpasti masalah yang dihadapi sepanjang proses pelaksanaan PBS di sekolah.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengetahui pasti persepsi guru terhadap pengenalan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
2. Mengetahui pasti tahap kefahaman guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)
3. Mengetahui pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru sepanjang proses pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di sekolah.

4. METODOLOGI

4.1 Peserta Kajian

Populasi sasaran ialah guru yang merupakan pelajar pascasiswazah Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor yang terlibat dengan PBS mengajar mata pelajaran matematik. Populasi merupakan sasaran bagi penyelesaian masalah serta penyelesaian harus melibatkan keseluruhan individu dalam populasi (Wiersma, 2000). Terdapat dua jenis persampelan kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu persampelan secara rawak dan persampelan bertujuan. Dua jenis persampelan ini digunakan kerana reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian gabungan yang menggunakan kajian kuantitatif dan kajian kualitatif. Oleh itu, kajian ini melibatkan 34 orang responden, 34 orang guru yang merupakan pelajar pascasiswazah bagi instrumen soal selidik dan mengambil 6 orang daripada kalangan responden soal selidik bagi tujuan untuk ditemu bual.

4.2 Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen yang utama iaitu set borang soal selidik dan soalan temubual. Set borang soal selidik digunakan bagi kaedah kuantitatif manakala soalan temubual digunakan bagi kaedah kualitatif. Menurut Wiersma (2000), soal selidik merupakan alat bagi mengumpul data secara formal dan sistematik. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih soal selidik tertutup dan menggunakan jenis demografik dan skala Likert. Borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu A,B,C dan D.

Bahagian A- Latar belakang responden

Bahagian B- Konsep PBS

Bahagian C- Persepsi guru terhadap PBS

Bahagian D- Masalah dalam PBS

Jadual 1 : Pembahagian item dalam soal selidik berdasarkan konsep PBS

Bil.	Konsep PBS	Item
1	Konsep terhadap pengenalan PBS	1,2,3
2	Konsep terhadap kronologi penubuhan PBS	4
3	Konsep terhadap pelaksanaan PBS	5, 6, 7, 8, 9,10
4	Konsepterhadap pengumpulan evidens	11, 12, 13,14, 15

Jadual 2 : Pembahagian item dalam soal selidik berdasarkan persepsi terhadap PBS

Bil.	Persepsi terhadap PBS	Item
1	Persepsi perbandingan PBS dengan peperiksaan awam	1
2	Persepsi tahap kesesuaian soalan PBS mengikut band	2
3	Persepsi kebaikan PBS terhadap prestasi pembelajaran pelajar	3
4	Persepsi guru terhadap masalah yang ada dalam PBS	4

Jadual 3 : Pembahagian item dalam soal selidik berdasarkan masalah dalam PBS

Bil.	Masalah dalam PBS	Item
1	Masalah tidak jelas dengan pengenalan PBS	1,2
2	Masalah kekangan masa dengan pelaksanaan PBS	3,4,5,6,7
3	Masalah penggunaan sistem SPPBS	8,9,10
4	Masalah kesan kepada keewangan sekolah	11,12
5	Masalah kemudahan peralatan pelaksanaan PBS	13
6	Masalah yang datang daripada pelajar	14, 15

Pengkaji menjalankan sesi temubual bersama beberapa orang guru yang berpengalaman menjadi guru PBS. Pengkaji telah memilih teknik temubual tidak berstruktur kerana melibatkan aktiviti perbualan dan soal jawab yang mementingkan penerokaan idea atau perasaan lebih daripada mendapat fakta-fakta tertentu serta soalan yang lebih terbuka dikemukakan. Soalan lazim yang akan ditanya oleh pengkaji adalah bagi menjawab objektif kajian kedua dan ketiga iaitu mengenal pasti pemahaman guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru sepanjang proses pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) disekolah.

5. ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

5.1 Konsep PBS

Konsep PBS merupakan soalan bagi menguji sejauhmana tahap kefahaman terhadap konsep asas pengetahuan berkaitan dengan PBS. Terdapat 15 item untuk menguji soalan berkaitan konsep PBS dan responden diminta untuk membulatkan skala Likert yang disediakan berdasarkan kepada tahap persetujuan bagi setiap item.

Jadual 4: Taburan mengikut item bagi pengetahuan konsep PBS

ITEM	PERNYATAAN	STS 1 %	TS 2 %	TP 3 %	S 4 %	SS 5 %	PURATA MIN
1	Saya dapat memahami definisi PBS	0	5.9	5.9	44.1	44.1	4.3
2	Saya jelas dengan objektif dan matlamat yang perlu dicapai dalam pelaksanaan PBS	0	0	14.7	11.8	73.5	4.6
3	Saya tahu PBS merupakan sebahagian Program Transformasi Pendidikan	0	2.9	23.5	11.8	61.8	4.0
4	Saya tahu akan kronologi pembentukan PBS	0	0	64.7	32.4	2.9	3.4
5	Saya tahu bahawa PBS mula dilaksanakan kepada pelajar tahun 1 pada 2011 dan pelajar tingkatan 1 pada 2012	0	2.9	20.6	55.9	20.6	3.9
6	Saya tahu pelaksanaan PBS adalah bagi menggantikan sistem peperiksaan	0	0	38.2	50.0	11.8	3.7
7	Saya menjalankan PBS mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	0	0	38.2	50.0	11.8	3.7
8	Saya tahu PBS dioptimumkan untuk mentaksir bidang akademik dan bukan akademik	0	8.8	23.5	47.1	20.6	3.8

9	Saya melaksanakan PBS dalam bentuk pentaksiran formatif dan sumatif	0	8.8	20.6	50.0	20.6	3.8
10	Saya tahu bahawa PBS memberi penekanan kepada pembentukan modal insan yang seimbang	5.9	11.8	11.8	38.2	32.4	3.8
11	Saya tahu bagaimana mendapatkan evidens bagi setiap band	0	14.7	20.6	50.0	14.7	3.6
12	Saya tahu cara memasukkan data prestasi pelajar dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS)	0	14.7	23.5	61.8	0	3.5
13	Saya mengenalpasti tahap pencapaian pelajar berdasarkan skor yang diperolehi dengan rujukan Standard Prestasi	2.9	8.8	11.8	44.1	32.4	3.9
14	Saya tahu terdapat enam band dalam pentaksiran PBS yang perlu dicapai dan dipenuhi oleh pelajar	0	2.9	23.5	29.4	44.1	4.1
15	Saya tahu setiap band diwakili dengan standard yang berbeza-beza	0	8.8	17.6	29.4	44.1	4.1

Merujuk kepada Jadual 4, item 2 memperoleh nilai purata min paling tinggi iaitu 4.6 yang berada pada skala tinggi dalam interpretasi skor min. Kebanyakan responden iaitu 73.5 peratus memilih sangat setuju, 11.8 peratus memilih setuju dan 14.7 peratus memilih tidak pasti bahawa mereka pasti akan objektif dan matlamat pelaksanaan PBS.

Pernyataan ini dapat disokong melalui temubual beberapa orang responden berkaitan kefahaman tentang PBS. Dapatan temubual yang diperolehi dapat dipecahkan kepada beberapa kategori iaitu :

1. Matlamat pelaksanaan PBS adalah bagi menggantikan sistem berasaskan peperiksaan
 - *Menilai murid itu dengan instrumen bukan berasaskan dengan exam.*
(Responden 2)
2. Objektif pembelajaran PBS adalah lebih kepada berbentuk aktiviti dan soalan latihan
 - *Soalan latihan dan cara murid berkomunikasi mampu menilai murid mengikut band*
(Responden 2)
3. Objektif pembelajaran PBS adalah berpusatkan sekolah
 - *Mentaksir pelajar mengikut sekolah masing-masing dan mengikut standard pelajar*
(Responden 3)

Bagi item 4 mencatatkan jumlah purata min yang terendah iaitu 3.4. Berdasarkan skor interpretasi skor min pula, jumlah purata bagi item ini berada pada tahap yang sederhana. Hanya 2.9 peratus responden menjawab sangat setuju dan 32.4 peratus memilih setuju. Manakala 64.7 peratus responden menyatakan tidak pasti terhadap item ini tentang kronologi pembentukan PBS.

Dapatan ini turut disokong dengan jawapan-jawapan daripada responden semasa sesi temubual yang menyatakan seperti berikut :

- *Berkaitan dengan kronologi pelaksanaan PBS, saya tidak pasti untuk itu. Apa yang saya faham PBS merupakan sebuah pentaksiran yang baru diperkenalkan bagi menggantikan pentaksiran berbentuk peperiksaan yang dilihat terdapat banyak kekurangan.*

(Responden 2)

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan daripada data dapatan kajian yang mengandungi item 1 hingga 15 ini, kebanyakan responden sangat bersetuju bahawa mereka jelas dengan objektif dan matlamat yang perlu dicapai dalam pelaksanaan PBS. Akan tetapi untuk item kronologi pembentukan PBS terdapat segelintir responden yang tidak mengetahui tentang kronologi ini.

Menurut Mohd Isa (2009) menjelaskan objektif merupakan item yang ingin dicapai dalam kajian. Bagi memastikan pelaksanaan PBS mempunyai hala tuju, terdapat beberapa objektif yang telah digariskan dalam PBS yang perlu dicapai oleh golongan kumpulan individu yang terlibat antaranya ialah guru.

Terdapat beberapa persidangan yang dijalankan sebelum mencapai kata sepakat bagi penubuhan PBS. Namun, terdapat beberapa tarikh penting dalam kronologi PBS ini. Pada tarikh 1 Januari 2011, Pentaksiran Berasaskan Sekolah dilaksanakan secara rasmi di sekolah mulai Tahun 1. Sebagai seorang guru, kronologi penubuhan PBS merupakan sebuah sejarah yang harus diketahui bagi lebih menghargai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan mutu pendidikan negara.

5.2 Persepsi guru terhadap pengenalan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Persoalan kajian yang kedua ini terdapat pada bahagian C soal selidik yang terdiri daripada 4 item dalam bentuk Skala Likert. Responden diminta untuk membulatkan skala yang bersesuaian mengikut tahap persetujuan mereka. Soalan ini bertujuan untuk mengkaji persepsi golongan guru terhadap pengenalan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Jadual 5: Taburan mengikut item persepsi guru terhadap pengenalan PBS

ITEM	PERNYATAAN	STS 1 %	TS 2 %	TP 3 %	S 4 %	SS 5 %	PURATA MIN
1	Saya merasakan pentaksiran berbentuk PBS adalah lebih baik daripada pentaksiran berbentuk peperiksaan umum	0	5.9	5.9	44.1	44.1	4.3
2	Saya merasakan soalan-soalan bagi PBS bersesuaian mengikut tahap band yang tertentu	0	0	14.7	11.8	73.5	4.6
3	Saya merasakan PBS dapat menggambarkan prestasi pembelajaran pelajar dengan lebih jelas dan penambahbaikan dapat terus diberikan jika perlu	0	2.9	23.5	11.8	61.8	4.3
4	Saya merasakan masalah utama guru menentang pelaksanaan PBS adalah masalah dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS)	0	0	64.7	32.4	2.9	3.9

Berdasarkan Jadual 5, item 2 merupakan purata min tertinggi iaitu 4.6 dengan berskala tinggi mengikut interpretasi skor min. Dalam kajian mendapati 73.5 peratus responden menyatakan sangat setuju dan 11.8 peratus memilih setuju. Hanya 14.7 peratus responden memberikan jawapan tidak pasti bahawa mereka merasakan soalan-soalan bagi PBS bersesuaian mengikut tahap band yang tertentu.

Terdapat 6 band dalam PBS yang perlu dicapai oleh pelajar mengikut kemampuan. Dapatan daripada temubual juga mendapati hal yang sama. Berikut adalah kategori jawapan daripada temubual yang diperolehi :

1. Tahap band bersesuaian mengikut tahap pemikiran pelajar

- *Sepanjang saya menjalankan PBS, saya tidak mempunyai masalah dengan band yang ada. Bagi saya setiap band bertepatan dengan level setiap pelajar saya sama ada pelajar kelas belakang atau depan*

(Responden 3)

2. Pemilihan band dilakukan sekiranya dirasakan tidak bertepatan dengan pelajar

- *Saya akan tapis soalan band yang mana sesuai dengan kehendak murid saya.*

(Responden 2)

Bagi item 4, tahap purata min terendah iaitu 3.9 dan dikategorikan sebagai purata min berskala sederhana dalam interpretasi skor min. 2.9 peratus responden menyatakan sangat setuju dan 32.4 peratus pula setuju dengan item ini. Namun, peratusan kurang pasti adalah lebih tinggi iaitu 64.7 peratus. Hal ini menunjukkan sebahagian besar responden tidak pasti bahawa masalah utama PBS adalah pada sistem SPPBS.

Beberapa jawapan responden temubual yang dapat menyokong item 4 ini yang dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut :

1. SPPBS sangat membebankan kerja guru

- *Membuatkan saya rasa terbeban dengan PBS adalah sistem online*

(Responden 6)

2. SPPBS mengganggu kesihatan guru

- *Saya terpaksa tidur lambat dan berjaga awal lebih kurang pukul 2-3 pagi sebab pada waktu itu baru boleh masuk semua data dalam sistem*

(Responden 2)

Keseluruhannya daripada dapatan ini, responden sangat setuju bahawa soalan-soalan bagi PBS bersesuaian mengikut tahap band yang tertentu. Namun begitu, terdapat responden yang kurang bersetuju dengan persepsi bahawa masalah utama PBS adalah disebabkan sistem SPPBS. Band yang terdapat dalam PBS adalah bagi mengetahui tahap pencapaian pelajar terhadap subtopik yang diajar oleh guru (Md. Isahak, 2014). Pembahagian band yang terdapat dalam PBS mengikut garis panduan bermula daripada band 1 (aras rendah) kepada band 6 (aras tinggi). Guru haruslah mengenalpasti golongan pelajar yang mampu untuk mencapai tahap band yang tertentu kerana setiap pelajar mempunyai tahap kemampuan untuk berfikir yang berbeza.

Sebuah talian online untuk memasukkan data pelajar sepanjang pelaksanaan PBS telah dicipta (Rasyid, 2010). Namun, guru mendakwa kerja-kerja memasukkan data ke dalam talian itu

amat membebaskan mereka. Namun, guru tidak boleh menjadikan alasan bahawa PBS ini tidak boleh dilaksanakan dengan baik dan sempurna disebabkan masalah sistem yang dihadapi.

5.3 Masalah yang sering dihadapi oleh guru sepanjang pelaksanaan PBS.

Terdapat 15 item untuk mengenalpasti masalah yang sering dihadapi oleh guru sepanjang pelaksanaan PBS ini. Kesemua 15 item ini dipilih bagi menjawab persoalan kajian yang terakhir yang dilampirkan dalam bentuk soal selidik berskala Likert. Persoalan ini juga disokong oleh beberapa jawapan daripada responden temubual. Tujuan utama persoalan ini adalah bagi mengkaji beberapa masalah yang menjadi bebanan kepada guru-guru disekolah sepanjang melaksanakan PBS.

Jadual 6: Taburan mengikut item masalah yang sering dihadapi oleh guru sepanjang pelaksanaan PBS

ITEM	PERNYATAAN	STS 1 %	TS 2 %	TP 3 %	S 4 %	SS 5 %	PURATA MIN
1	Saya tidak membaca buku panduan dan peraturan PBS yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan	0	5.9	5.9	44.1	44.1	4.2
2	Saya tidak diberikan kursus dan latihan sebelum melaksanakan PBS disekolah	0	0	14.7	11.8	73.5	4.6
3	Saya kekurangan masa untuk menyediakan perancangan mengajar untuk kelas esok hari (<i>lesson plan</i>)	0	2.9	23.5	11.8	61.8	4.3
4	Saya tidak sempat untuk mengumpulkan evidens bagi setiap band	0	0	38.2	50.0	11.8	3.7
5	Bebanan kerja saya bertambah sehingga kekurangan masa bagi membuat pentaksiran terhadap semua pelajar	0	2.9	20.6	55.9	20.6	3.9
6	Saya tidak mempunyai masa tambahan untuk menyemak buku latihan pelajar	17.6	8.8	17.6	29.4	26.5	3.4
7	Masa saya untuk bersama keluarga terhad	0	0	38.2	50.0	11.8	3.7
8	Saya terpaksa berjaga hingga lewat pagi kerana berhadapan dengan masalah kelewatan pengkalan data untuk memasukan data pelajar.	0	8.8	23.5	47.1	20.6	3.8
9	Kesihatan saya terjejas disebabkan tidak mendapat rehat yang cukup	0	8.8	20.6	50.0	20.6	3.8
10	Saya sukar untuk mengakses masuk kedalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS)	5.9	11.8	11.8	38.2	32.4	3.8
11	Penyediaan soalan PBS menyebabkan berlaku pembaziran kertas	0	14.7	20.6	50.0	14.7	3.6
12	PBS memberi kesan kepada perbelanjaan keewangan tahunan sekolah	0	14.7	23.5	61.8	0	3.5
13	Kemudahan peralatan pelaksanaan PBS yang terdapat disekolah terbatas sehingga menimbulkan kesukaran kepada saya	2.9	8.8	11.8	44.1	32.4	3.9
14	Saya mengalami masalah pelajar yang tidak hadir kesekolah dan tidak lulus pentaksiran pada setiap kali PBS dijalankan	0	2.9	23.5	29.4	44.1	4.1
15	Pengajaran saya tidak dapat diberi perhatian oleh						

pelajar kerana mereka letih untuk menjawab soalan PBS	0	8.8	17.6	29.4	44.1	4.1
---	---	-----	------	------	------	-----

Berdasarkan Jadual 6, item 2 mencatatkan nilai purata min yang tertinggi iaitu 4.6 dan secara tidak langsung berada pada tahap yang tinggi dalam interpretasi skor min. 73.5 peratus responden menyatakan sangat setuju diikuti dengan 11.8 peratus setuju terhadap mereka tidak diberikan kursus dan latihan sebelum melaksanakan PBS disekolah dan 14.7 peratus responden memberikan jawapan tidak pasti berkaitan item ini.

Berikut merupakan antara jawapan temubual berkaitan item ini dan secara tidak langsung mengukuhkan lagi dapatan ini :

- *Setiap tahun hanya ada satu kursus bagi membuat evidens. Kadangkala saya rasa tiada latihan atau kursus yang selanjutnya selepas sekali kursus telah dilakukan.*

(Responden 1)

Seterusnya item 6 mencatatkan nilai purata min yang terendah iaitu 3.4 dan secara tidak langsung berada pada tahap yang sederhana dalam interpretasi skor min. 26.5 peratus responden memberikan jawapan sangat setuju dan 29.4 peratus setuju. Hal ini menunjukkan sebahagian daripada responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka tidak mempunyai masa tambahan untuk menyemak semula latihan pelajar. Manakala sebahagian lagi tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Dapatan daripada temubual juga turut menemui hal yang sama. Berikut merupakan antara jawapan temubual responden yang telah dibahagikan kepada beberapa kategori :

1. Masa digunakan untuk menanda evidens PBS :

- *Satu bab mempunyai banyak subtopik dan perlu ada evidens PBS. Jadi guru perlu menggunakan masa yang ada untuk menghabiskan evidens yang ada. Masa saya untuk menanda buku kerja pelajar menjadi terhad*

(Responden 3)

2. Guru perlu segera menghabiskan silibus:

- *Disebabkan PBS merupakan penilaian berterusan yang memerlukan guru menghabiskan sebuah subtopik dengan segera, masa untuk memeriksa buku latihan pelajar terpaksa ditangguhkan.*

(Responden 2)

Kesimpulan daripada dapatan, kebanyakan guru merasakan bahawa mereka kekurangan latihan dan kursus dalam pelaksanaan PBS. Walaubagaimanapun, terdapat responden yang tidak bersetuju bahawa mereka tidak mempunyai masa tambahan untuk menyemak semula latihan pelajar.

Bimbingan yang terlatih harus diberikan terlebih dahulu kepada guru kerana guru menjadi tempat rujukan utama bagi pelajar di sekolah (Trumay, 2004). Namun begitu, ada segelintir guru yang terlalu mengambil mudah terhadap kursus dan latihan yang dianjurkan oleh pihak atasan. Mereka terlalu mengutamakan tugas harian di sekolah yang perlu diselesaikan segera. Melalui

kursus yang dihadiri sedikit sebanyak dapat membantu memperbaiki cara pengajaran guru sepanjang proses pelaksanaan PBS.

Waktu mengajar yang banyak sehingga mencecah 30 waktu seminggu menyukarkan lagi para guru. Guru hanya ada waktu terluang sebanyak empat waktu atau dua jam sehari. Di waktu itulah mereka perlu solat, makan, merancang pengajaran dan pembelajaran, mengisi data itu dan ini, menyemak buku latihan murid. menyediakan rancangan mengajar untuk esok dan sebagainya. Ramai terpaksa membawa kerja mereka pulang ke rumah sedangkan di rumah mereka mempunyai tanggungjawab sebagai ibu dan bapa. Hal ini menyebabkan guru tiada masa tambahan untuk menanda buku latihan pelajar kerana disamping itu guru juga perlu menanda soalan PBS dan setiap evidens PBS tersebut perlu direkodkan dengan kadar segera.

6. KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mengetahui bahawa terdapat objektif dan matlamat yang perlu dicapai dalam pelaksanaan PBS. Seterusnya, soalan-soalan bagi PBS bersesuaian mengikut tahap band yang tertentu. Responden juga sedia maklum dengan kurangnya kursus dan latihan sebelum melaksanakan PBS disekolah yang memerlukan guru menghadirkan diri. Selain itu, terdapat beberapa pernyataan yang kurang dipersetujui oleh responden iaitu PBS memberi penekanan kepada pembentukan modal insan yang seimbang. Seterusnya responden juga merasakan tidak setuju bahawa pentaksiran berbentuk PBS adalah lebih baik daripada pentaksiran berbentuk peperiksaan umum. Responden juga merasakan mereka tidak mempunyai masalah dengan masa tambahan untuk menyemak buku latihan pelajar jika guru pandai membahagikan masa dengan sebaiknya. Diharapkan dengan hasil dan kesimpulan yang dikemukakan dapat memberikan manfaat kepada golongan guru, pihak universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha mempertingkatkan lagi segala kekurangan dan penambahbaikkan aspek yang tertentu dalam sistem pendidikan baru ini iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Oleh yang demikian, dengan adanya kajian ini diharapkan keberkesanan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini menjadi lebih efektif, menarik dan dapat diteruskan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan yang akan datang dikatakan lebih mencabar terutama buat golongan pendidik.

7. PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia di atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Kajian ini juga dibiayai oleh Geran Penyelidikan Asas (FRGS: R.J130000.7831.4F199) dari KPM dan UTM.

RUJUKAN

Ali. (2008). Pentaksiran Alternatif. Menuju ke Arah Transformasi Sistem Pentaksiran di Malaysia.

Bahagian Pendidikan Kurikulum (2012). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. *Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.*

Fuad Omar. (2009). Mentoring and Coaching dalam Penambahbaikkan Pengajaran. *Penilaian Pendidikan.*

- Gay, L. (1985). *Educational and evaluation and measurement*. Competencies for analysis and application. 2nd ed. Charles E. Merrill.
- Ismail Ahmad (2011). *Penilaian di bilik darjah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar-Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia: Soalan-soalan Lazim*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Transformasi Pentaksiran*.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2000). *Modul Penataran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Malaysia, U. T. (2005). *Panduan Menulis Tesis*. Perpustakaan Sultanah Zanariah.
- M. Najib, A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai; Universiti Teknologi Malaysia.
- Rashid, A. R. (2010). *Profesionalisme Keguruan : Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wiersma, W. (2000). *Research Method In Education. An Introduction 7 th. Ed.* Boston : Allyn & Bacon.